

# **Laporan Kajian Persepsi Warga Kolej Komuniti Terhadap Peranan Dan Fungsi Kolej Komuniti**

Razzian Mat Razali

Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti

razzian@mohe.gov.my

Rasmuna Hussain

Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti

rasmuna@mohe.gov.my

Ahmad Khairunizam Zulkifli

Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti

khairulnzm@mohe.gov.my

## **Abstrak**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti persepsi warga kolej komuniti yang terdiri daripada pelbagai latar belakang terhadap peranan kolej komuniti. Tujuan kajian adalah untuk melihat peranan kolej komuniti dalam aspek (i) kolaborasi dan rakan industri, (ii) pencapaian/ kejayaan pelajar dan pensyarah, (iii) keusahawanan, (iv) kumpulan sasar dan komuniti setempat, (v) kecemerlangan kapasiti bakat, dan (vi) penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini adalah kajian tinjauan. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji dan diedarkan secara atas talian melalui aplikasi google forms. Responden adalah dipilih secara rawak seramai 1192 orang daripada 93 buah kolej komuniti di seluruh Malaysia. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Science*) versi 16.0 secara deskriptif menggunakan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Analisis dapatkan mendapati bahawa peranan kolej komuniti berada pada tahap yang tinggi berdasarkan persepsi oleh warga kerja kolej komuniti di mana peranan paling menonjol ialah berdasarkan skor min bagi setiap aspek berikut : (i) kumpulan sasar dan komuniti setempat 4.12 (tinggi), (ii) pencapaian pelajar dan pensyarah 4.12 (tinggi), (iii) kolaborasi dan rakan industri 3.97 (tinggi), (iv) keusahawanan 3.96 (tinggi), (v) penyampaian pengajaran dan pembelajaran 3.91 (tinggi) dan (vi) kecemerlangan kapasiti bakat 3.90 (tinggi). Ini memberikan gambaran bahawa kolej komuniti masih kekal relevan melaksanakan fungsinya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang perlu diteliti untuk memperkasakan peranan kolej komuniti sedia ada. Kolej komuniti berupaya mempertingkatkan impak agar menyerlah sebagai salah satu penyedia TVET utama yang disegani demi menyumbang ke arah pembentukan negara Malaysia yang maju menjelang 2020.

Kata kunci: *kolej komuniti, persepsi, peranan, warga kolej komuniti*

## **Abstract**

The survey was conducted to identify the perception of community colleges' staff on the role of community college. The purpose of the study is to further explore the role of community colleges in the aspects of (i) collaboration and industry partners, (ii) achievement / success of students and lecturers, (iii) entrepreneurship, (iv) target groups and local communities; vi) the delivery of teaching and learning. The instrument used is questionnaire which were distributed via online. 1192 respondents were selected randomly from 93 community colleges throughout Malaysia. Data were analyzed by using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 21.0. The descriptive frequency, percentage, mean and standard deviation were utilized for the analysis. Analysis of the findings found that the role of community colleges was at high level based on the perception of community colleges' staff where the most prominent role was based on the mean score for each of the following aspects: (i) target groups and local communities 4.12,

(ii) student achievement and lecturers 4.12, (iii) collaboration and industry partners 3.97, (iv) entrepreneurship 3.96, (v) presentation of teaching and learning 3.91 and (vi) talent capacity excellence 3.90. This reflects the community colleges are still relevant to carry out their function and role. However, there are some aspects that need to be scrutinized to empower the role and enhance the impact of community colleges, in order to emerge as one of the major TVET providers that are respected and contribute to the Malaysia development in 2020.

Keywords: community college, perception, role, community college staff

## 1.0 Pengenalan

Kolej komuniti telah melepassi sedekad penubuhannya sejak dibina pada 2001. Dalam jangka masa 15 tahun, persepsi sebenar masyarakat terhadap peranan kolej komuniti masih belum dikenalpasti dan dikaji secara lebih terperinci. Hal ini dapat dilihat berdasarkan perbezaan sambutan antara program jangka pendek (kursus pendek, PSH) dan program pengajian sepenuh masa. Pelbagai faktor kritikal boleh diamati seperti tadbir urus, penglibatan tenaga kerja, infrastruktur sokongan dan peruntukan yang berupaya menyumbang kepada keupayaan organisasi untuk mencapai hasil yang diharapkan. Setiap peruntukan yang diturunkan adalah bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pembangunan infrastruktur dan program yang disediakan memberi manfaat kepada mereka (Esa et al., 2009). Sehubungan itu, adalah amat penting agar peranan kolej komuniti dapat dilihat dari pelbagai perspektif tersebut untuk mendapatkan persepsi sebenar.

## 2.0 Latarbelakang

Warga kerja dan tenaga pengajar merupakan aset utama dalam sebuah institusi pendidikan yang sedang giat berkembang. Seiring dengan penubuhan kolej komuniti baharu yang dibangunkan, tenaga pengajar baharu juga dilantik untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran serta sumber manusia. Ia juga berikutan keputusan kerajaan bahawa satu skim perkhidmatan digubal khas untuk melaksanakan fungsi-fungsi tertentu di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan sebagai tenaga pengajar di politeknik dan kolej komuniti (PP Bil 33 Tahun 2007 bertarikh 11 Disember 2007). Tenaga pengajar ini terdiri dalam kalangan mereka yang muda dan bersemangat tinggi, malah ada yang baru sahaja selesai pengajian di universiti. Maka kolej komuniti perlu menyerlahkan bakat, potensi dan kecemerlangan diri mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi. Bagi mengekalkan momentum ini, penghargaan dan pengiktirafan perlu diberikan atas komitmen tinggi dan dedikasi cemerlang yang dicurahkan oleh tenaga kerja kolej komuniti. Ia juga turut dilihat mampu menghindarkan masalah fenomena *brain drain* ekoran penghijrahan warga kerja kolej komuniti ke institusi yang lain. Maklumat dari Bahagian Khidmat Pengurusan JPKK menyatakan bahawa pada tahun 2013 hingga 2015, seramai 18 orang tenaga kerja kolej komuniti sama ada daripada kumpulan pengurusan dan profesional mahupun kumpulan sokongan telah berhijrah kerjaya keluar dari sistem kolej komuniti. Fenomena ini amat merugikan sesebuah institusi dan memberi impak kepada kelestarian penyampaian

program PdP yang berkualiti bagi memenuhi keperluan industri dan pasaran tenaga kerja masa hadapan.

Pelan Pemerkasaan Kolej Komuniti 2013-2015 menggariskan beberapa strategi untuk memperkuatkan kerjasama strategik dengan rakan industri dan agensi. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK) telah meletakkan bahawa 2,000 lulusan dalam tempoh 2013 hingga 2015 disediakan sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih (k-ekonomi) untuk 5 koridor pembangunan ekonomi. Pada tahun 2013 sehingga 2015 sebanyak 49 memorandum persefahaman telah dimeterai antara JP KK dan pihak industri/ universiti/agensi awam dan swasta. Selain itu, JP KK mensasarkan pelaksanaan kolaborasi bersama 3 buah institusi pendidikan melalui kerjasama *Public-Private Partnership* dalam tempoh 2013 hingga 2015. Perancangan dan strategi ini memberikan indikasi bahawa kolej komuniti perlu menambah baik jaringan kolaborasi dengan industri dan memperkuatkan lagi kerjasama ke setiap koridor pembangunan negara.

Pada tahun 2015, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) telah mengeluarkan sebanyak 227,421 graduan seluruh negara. Bilangan graduan yang telah dilahirkan oleh kolej komuniti pula adalah seramai 7578 bersamaan 3.3 peratus sahaja daripada jumlah yang tersebut. Pada tahun yang sama, kolej komuniti mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi iaitu 97.4 peratus yang terdiri daripada bukan sahaja tenaga kerja kepada industri sedia ada malah usahawan yang berjaya. Ini menunjukkan bahawa kolej komuniti melaksanakan peranan yang baik dalam menyediakan program keusahawanan selari dengan dapatan Sarimah Che Hassan et al (2013) bahawa kolej komuniti mempunyai potensi besar dalam melahirkan ramai usahawan yang juga majikan yang berjaya di masa hadapan. Walaupun kadar kebolehpasaran adalah tinggi, adalah lebih membanggakan sekiranya kolej komuniti dapat melahirkan lebih ramai bakal graduan terutamanya dalam golongan usahawan.


Jabatan Statistik Malaysia melaporkan bahawa kadar pengangguran di Malaysia adalah 3.5 peratus, iaitu 511,000 orang penganggur berbanding 14 juta tenaga kerja yang sedia ada di Malaysia. Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Seri Saripuddin Kasim, negara yang mempunyai kadar pengangguran di bawah 4 peratus dianggap sebagai dalam keadaan guna tenaga penuh berdasarkan piawaian antarabangsa. Juga dilaporkan bahawa seramai 160,000 rakyat Malaysia yang mempunyai kelayakan tertiar direkodkan tidak bekerja dan bilangan ini merujuk kepada jumlah yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur.

Beberapa isu yang wujud dalam kolej komuniti melaksanakan peranannya melalui program dan inisiatif, maka kajian ini dirasakan perlu dijalankan untuk melihat bagaimana persepsi masyarakat khususnya dalam kalangan warga kolej komuniti sendiri terhadap peranan kolej komuniti sejak ia ditubuhkan.

## 2.1 Kerangka Konsepsual

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini. Kerangka konseptual ini dibangunkan berdasarkan kepada komitmen jitu oleh JPKK dan kolej komuniti dalam melaksanakan pelan strategik yang berlandaskan kepada *Community College Report Card* (CCRC) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM (PT)). CCRC adalah sistem pemantauan prestasi yang diterjemahkan daripada Pelan Pemerkasaan Kolej Komuniti 2013-2015 yang masih relevan malah diteruskan seiring PPPM (PT) 2015-2025. Kerangka konseptual menunjukkan bagaimana peranan kolej komuniti dan JPKK menyumbang kepada 6 teras dalam CCRC. Pada masa yang sama, kolej komuniti turut melaksanakan tugas sebagai penyedia TVET yang berkualiti dengan berteraskan kepada 10 Lonjakan dalam PPPM (PT). Komitmen ini secara konseptualnya menggambarkan fungsi dan peranan kolej komuniti yang dijangka memberi kesan daripada pandangan warga kolej komuniti terhadap peranan kolej komuniti yang dikaji. Peranan kolej komuniti yang dikaji adalah dari aspek:

- i. Kolaborasi dan rakan industri
- ii. Pencapaian/ kejayaan pelajar dan pensyarah
- iii. Keusahawanan
- iv. Kumpulan sasar dan komuniti setempat
- v. Kecemerlangan kapasiti bakat; dan
- vi. Penyampaian pengajaran dan pembelajaran.



**Rajah 1:** Kerangka konseptual

## 2.2 Definisi Operasi

### 2.2.1 Persepsi

Kolej komuniti adalah institusi yang memiliki pelbagai fungsi dan peranan. Oleh kerana ia menjadi pusat tumpuan kepada pelbagai generasi daripada pelbagai latar belakang, maka kekuatan fungsi dan peranan yang dimiliki adalah bergantung kepada persepsi komuniti dan warga kerja kolej komuniti itu sendiri. Persepsi adalah sesuatu yang amat subjektif, bergantung kepada persekitaran yang dinilai dan diamati. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2014) pula, persepsi bermaksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran serta tanggapan. Walau bagaimanapun, persepsi yang paling penting untuk menyerlahkan peranan dan fungsi kolej komuniti adalah bermula dengan warga kerja kolej komuniti itu sendiri. Konstruk yang dipilih adalah berdasarkan peranan optimum yang dipegang oleh kolej komuniti berdasarkan khidmat dan usaha yang dicurahkan oleh warga kerjanya. Keraguan, kurangnya komitmen mahupun minat untuk berkhidmat serta sindrom brain drain secara tidak langsung menyumbang kepada persepsi warga kolej komuniti ini.

### 2.2.2 Warga Kolej Komuniti

Kolej komuniti terdiri daripada ibu pejabat iaitu Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK) berpusat di Putrajaya dan kolej komuniti di seluruh Malaysia. Sehingga ke hari ini, terdapat 93 buah kolej komuniti meliputi premis tetap dan sementara, dibina dan diletakkan mengikut keperluan komuniti setempat. Warga kerja di JPKK adalah seramai 134 orang manakala di kolej komuniti pula adalah seramai 4,291 orang (WP Bil S138 Tahun 2016 bertarikh 26 Mei 2016). Maka jumlah keseluruhan warga kerja di kolej komuniti adalah seramai 4,425 orang. Memandangkan peranan utama kolej komuniti adalah dalam bidang pendidikan tinggi, maka majoriti warga kolej komuniti adalah terdiri daripada Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi. Pegawai ini melaksanakan tugas sebagai tenaga pengajar, di samping melaksanakan tugas-tugas pengurusan. Sehingga Disember 2015, 70 peratus daripada warga kolej komuniti adalah terdiri daripada Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi. 30 peratus lagi adalah terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan guna sama yang lain.

## 3.0 Sorotan Literatur

### 3.1 Kajian berkaitan

Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Abd Rahman Daud et al. (2009), penyelidik ingin mengkaji peranan sekolah bestari perintis melalui penilaian guru dan pelajar berdasarkan aspek peranan yang terdapat dalam *The Malaysian Smart School: An MSC Flagship Application, A Conceptual Blueprint*. Antara aspek yang dikaji oleh penyelidik ialah peranan sekolah bestari dari segi pengajaran dan pembelajaran peranan pengajaran dan pembelajaran; sumber manusia, kemairan dan tanggungjawab; dasar dan pelaksanaan; serta pengurusan dan

pentadbiran. Melalui kajian Persepsi Warga Kolej Komuniti Terhadap Peranan Dan Fungsi Kolej Komuniti ini, kajian dijalankan untuk melihat kepentingan yang sama.

### **3.2 Misi dan Visi Kolej Komuniti**

Visi kolej komuniti ialah menjadi peneraju Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta Hab Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) menjelang 2025. Manakala misi kolej komuniti ialah membangun komuniti setempat sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih untuk memenuhi tuntutan dunia pekerjaan melalui TVET serta PSH.

### **3.3 Peranan dan fungsi kolej komuniti berdasarkan fasa**

#### **Fasa Penubuhan 2001-2006**

Pada awal penubuhannya, kolej komuniti menjadi pusat pendidikan yang menyediakan laluan alternatif kepada pelajar lepasan sekolah selain menyediakan pendidikan seumur hidup melalui libatsama masyarakat dan agensi kerajaan mahupun swasta. Pendidikan yang diberikan adalah dalam bentuk latihan dan kemahiran dengan menggunakan kemudahan di kolej komuniti.

#### **Fasa Penjenamaan 2007-2009**

Kolej komuniti mengorak langkah dengan penubuhan 44 buah kolej komuniti yang terdiri daripada kolej komuniti induk dan cawangan. Kerjasama dan kolaborasi dipertingkatkan dengan penglibatan pelbagai *Government-linked Companies* (GLC) yang turut membantu meningkatkan promosi dan pemasaran kolej komuniti melalui program Work-Based Learning. Program sepenuh masa dinaiktaraf melalui penambahbaikan kurikulum dan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Elaun pelajar turut diberikan kepada pelajar yang layak sebagai inisiatif membantu mereka dalam mengikuti program di kolej komuniti.

#### **Fasa Pengukuhan 2010-2011**

Menjelang sepuluh tahun penubuhan, kolej komuniti memperkuuhkan peranannya sebagai institusi pendidikan dan latihan serta hab pembelajaran sepanjang hayat kepada komuniti. Sijil Modular Kebangsaan diperkenalkan seiring dengan inisiatif seperti penubuhan Pusat Pertaulianan, Pusat Keusahawanan Kolej Komuniti (PUSKOM) dan Pusat Pengajian Setempat.

#### **Fasa Pemerkasaan 2013-2015**

Kolej komuniti memperkuuh asas yang telah dibina dengan mengangkat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), mengarusperdana serta memperluas akses kepada TVET. Amanah diberikan untuk meneruskan PSH menerusi pelaksanaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH). Susulan itu, kolej komuniti dilantik sebagai Sekretariat Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di peringkat nasional. Melalui inisiatif keberkesanan

organisasi, kolej komuniti tidak lagi dianggap sebagai pilihan terakhir kepada pelajar lepasan sekolah.

Kolej komuniti telah melalui pelbagai fasa dalam proses evolusinya menjadi penyedia TVET utama yang disegani. Dalam setiap fasa yang dilalui, kolej komuniti sentiasa mengutamakan peranannya melalui kolaborasi dengan industri, pencapaian pensyarah dan pelajar, keusahawanan, kumpulan sasar dan komuniti setempat, kecemerlangan kapasiti bakat dan penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

## **4.0 Tujuan**

### **4.1 Tujuan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti persepsi warga kolej komuniti yang terdiri daripada pelbagai latar belakang terhadap peranan kolej komuniti sebagaimana aspek-aspek yang berikut:

- i. Kolaborasi dan rakan industri
- ii. Pencapaian/ kejayaan pelajar dan pensyarah
- iii. Keusahawanan
- iv. Kumpulan sasar dan komuniti setempat
- v. Kecemerlangan kapasiti bakat; dan
- vi. Penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

### **4.2 Objektif Kajian**

Secara khususnya, beberapa objektif kajian dibina untuk;

- i. Mengenal pasti persepsi warga kolej komuniti terhadap peranan kolej komuniti dari aspek kolaborasi dan rakan industri
- ii. Mengenal pasti persepsi warga kolej komuniti terhadap peranan kolej komuniti dari aspek pencapaian/kejayaan pelajar dan pensyarah
- iii. Mengenal pasti persepsi warga kolej komuniti terhadap peranan kolej komuniti dari aspek keusahawanan
- iv. Mengenal pasti persepsi warga kolej komuniti terhadap peranan kolej komuniti dari aspek kumpulan sasar dan komuniti setempat
- v. Mengenal pasti persepsi warga kolej komuniti terhadap peranan kolej komuniti dari aspek kecemerlangan kapasiti bakat; dan
- vi. Mengenal pasti persepsi warga kolej komuniti terhadap peranan kolej komuniti dari aspek penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

## 5.0 Metodologi

### 5.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah satu kajian berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Sehubungan itu, instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpul dan menganalisa data yang diperoleh daripada responden. Soal selidik ini diedarkan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi Google Drive. Data yang diperoleh daripada responden adalah secara masa nyata (*real-time*). Walaupun data dapat diperoleh dengan pantas, satu tempoh masa diberikan agar responden berpeluang untuk memberi maklum balas dalam tinjauan ini memandangkan responden menghadapi kekangan masa dan tugas harian.

### 5.2 Skop Kajian

Skop kajian adalah terdiri daripada warga kolej komuniti seluruh Malaysia dan JPKK tanpa mengira umur, jantina, tempoh bekerja, skim perjawatan, gred perjawatan dan tahap pendidikan tertinggi.

### 5.3 Sampel Kajian

Populasi kajian adalah terdiri daripada warga kolej komuniti seluruh Malaysia dan JPKK. Sampel kajian terdiri daripada warga kerja yang sedang bertugas di kolej komuniti dan JPKK antara Januari hingga Jun 2016. Jumlah sampel yang diperoleh adalah seramai 1192 orang. Jumlah ini diterima sebagai responden dan dianalisa sebagai hasil dapatan.

### 5.4 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang terbuka kepada warga kolej komuniti sahaja. Soal selidik ini dibina sendiri oleh pengkaji dengan menggunakan skala Likert. Skala Likert adalah skala keamatan yang menjawab kepada pernyataan, iaitu ‘sangat setuju’ pada skala 5, ‘setuju’ pada skala 4, ‘kurang setuju’ pada skala 3, ‘tidak setuju’ pada skala 2 dan ‘sangat tidak setuju’ pada skala 1. Soal selidik ini terdiri daripada 2 bahagian. Bahagian pertama adalah soalan-soalan berbentuk demografi iaitu umur, jantina, tempoh bekerja, skim perjawatan, gred perjawatan dan tahap pendidikan tertinggi. Manakala bahagian kedua adalah item soalan dalam bentuk pernyataan berdasarkan enam konstruk berkaitan fungsi dan peranan kolej komuniti. Enam konstruk tersebut adalah:

- i. Kolaborasi rakan industri
- ii. Pencapaian pensyarah dan pelajar
- iii. Keusahawanan
- iv. Kumpulan sasar dan komuniti setempat
- v. Kecemerlangan kapasiti bakat
- vi. Penyampaian pengajaran dan pembelajaran

## 6.0 Dapatan Kajian Dan Perbincangan

### 6.1 Profil Responden Mengikut Maklumat Demografi

Responden kajian ini terdiri daripada 1192 orang warga kerja daripada 93 buah kolej komuniti di seluruh Malaysia. Jadual 5.1 di bawah menunjukkan statistik deskriptif bagi responden berdasarkan bilangan dan peratus mengikut jantina, umur, skim perjawatan, gred perjawatan, tempoh berkhidmat di kolej komuniti dan tahap pendidikan tertinggi.

Daripada 1192 orang responden, 459 orang (38.5%) adalah lelaki dan 733 orang (61.5%) adalah perempuan. Kumpulan umur pula menunjukkan bahawa responden paling ramai terdiri dalam kalangan usia bawah 35 tahun iaitu 667 orang (56.0%). Responden dalam kumpulan 35 hingga 49 tahun adalah 479 orang (40.2%) manakala responden paling sikit terdiri dalam kalangan usia 50 tahun dan ke atas iaitu 46 orang (3.8%) responden sahaja.

Dari segi skim perjawatan, Juruteknik (J) adalah 9 orang (0.8%), Juruteknik Komputer (FT) adalah 10 orang (0.8%), Pegawai/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F) diwakili 40 orang (3.4%), Pegawai Psikologi dan Kerjaya/ Penolong Pegawai Perpustakaan (S) bersamaan 26 orang (2.2%), Pembantu Am Pejabat/ Pembantu Tadbir/ Pegawai Tadbir/ Penolong Pegawai Tadbir (N) adalah 99 orang (8.3%), Pembantu Awam/ Pemandu Kenderaan (H) adalah 8 orang (0.7%), Pembantu Makmal (C) adalah 9 orang (0.8%), Pembantu Tadbir (Kew)/ Pembantu Akauntan (W) seramai 19 orang (1.6%) dan lain-lain pula seramai 44 orang (3.7%). Responden paling ramai adalah terdiri daripada skim perjawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (DH) iaitu 926 orang (77.7%).

Berdasarkan gred jawatan pula menunjukkan bahawa 27 orang responden (2.3%) terdiri daripada gred 11, 99 orang responden (8.3%) gred 17, 12 orang responden (1.0%) gred 22, 41 orang responden (3.4%) gred 27, 94 orang responden (7.9%) gred 29, 77 orang responden (6.5%) gred 32/34, 337 orang responden (28.3%) gred 41/42, 434 orang responden (36.4%) gred 43/44, 39 orang responden (3.3%) gred 48, 21 orang responden (1.8%) gred 52 dan 11 orang responden (0.9%) gred 54. Dari sudut tempoh berkhidmat di kolej komuniti, didapati bahawa 275 orang responden (23.1%) responden berkhidmat kurang 5 tahun, 562 orang responden (47.1%) berkhidmat antara 5 hingga 9 tahun, 313 orang responden (26.3%) berkhidmat antara 10 hingga 14 tahun, dan 42 orang responden (3.5%) berkhidmat antara 15 hingga 19 tahun.

Responden yang mempunyai tahap pendidikan sehingga SPM pula didapati seramai 77 orang responden (6.5%), peringkat Sijil seramai 21 orang responden (1.8%), peringkat Diploma seramai 196 orang responden (16.4%), peringkat Ijazah Sarjana 631 orang responden (52.9%), peringkat Sarjana seramai 253 orang responden (21.2%), peringkat PhD 3 orang responden (0.3%) dan lain-lain 11 orang responden (0.9%).

Latarbelakang	Responden	
	n	%
Jantina:		
Lelaki	459	<b>38.5</b>
Perempuan	733	<b>61.5</b>
Umur: Bawah 35 tahun	667	<b>56.0</b>
35 hingga 49 tahun	479	<b>40.2</b>
50 tahun dan ke atas	46	<b>3.8</b>
Skim perjawatan:		
Juruteknik (J)	9	<b>0.8</b>
Juruteknik komputer (FT)	10	<b>0.8</b>
Pegawai/ Penolong PegawaiTeknologi Maklumat (F)	40	<b>3.4</b>
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (DH)	926	<b>77.7</b>
Pegawai Psikologi dan Kerjaya/ Penolong		
Pegawai Perpustakaan (S)	26	<b>2.2</b>
Pegawai Tadbir Diplomatik (M)	2	<b>0.2</b>
Pembantu Am Pejabat/ Pembantu Tadbir/		
Pegawai Tadbir/ Penolong Pegawai Tadbir (N)	99	<b>8.3</b>
Pembantu Awam/ Pemandu Kenderaan (H)	8	<b>0.7</b>
Pembantu Makmal (C)	9	<b>0.8</b>
Pembantu Tadbir (Kew)/Pembantu Akauntan (W)	19	<b>1.6</b>
Lain-lain	44	<b>3.7</b>
Gred Perjawatan:		
11	27	<b>2.3</b>
17	99	<b>8.3</b>
22	12	<b>1.0</b>
27	41	<b>3.4</b>
29	94	<b>7.9</b>
32/34	77	<b>6.5</b>
41/42	337	<b>28.3</b>
43/44	434	<b>36.4</b>
48	39	<b>3.3</b>
52	21	<b>1.8</b>
54	11	<b>0.9</b>
Tempoh berkhidmat di kolej komuniti :		
Kurang 5 tahun	275	<b>23.1</b>
5 – 9 tahun	562	<b>47.1</b>
10 – 14 tahun	313	<b>26.3</b>
15 – 19 tahun	42	<b>3.5</b>

Tahap pendidikan tertinggi :

SPM	77	<b>6.5</b>
Sijil	21	<b>1.8</b>
Diploma	196	<b>16.4</b>
Ijazah Sarjana	631	<b>52.9</b>
Sarjana	253	<b>21.2</b>
PhD	3	<b>0.3</b>
Lain-lain	11	<b>0.9</b>

**Jadual 5.1:** Taburan Responden Mengikut Maklumat Demografi

## 6.2 Analisis Persepsi Responden Terhadap Peranan Kolej Komuniti

Penentuan tahap persepsi adalah berdasarkan Davies (1971) yang menetapkan tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi, berdasarkan skala Likert 1 hingga 5 di mana nilai skor tertinggi ditolak dengan nilai skor terendah (5-1=4). Menurut Davies (1971), skor ini kemudian dibahagikan kepada tiga tahap yang diingini. Maka skala yang ditetapkan bagi menentukan tahap persepsi berdasarkan konstruk adalah:

Skor min 1.00 hingga 2.34 adalah tahap rendah  
 Skor min 2.35 hingga 3.66 adalah tahap sederhana  
 Skor min 3.67 hingga 5.00 adalah tahap tinggi

### i. Analisis Peranan Kolej Komuniti Dari Aspek Kolaborasi Dan Rakan Industri

Aspek	Sisihan Piawai	Min	Tafsiran
Kolaborasi dan rakan industri	0.83	3.97	Tahap tinggi

Skor min purata iaitu 3.97 bermaksud responden bersetuju pada tahap tinggi bahawa kolej komuniti memainkan peranan dalam aspek kolaborasi dan rakan industri. Persepsi ini adalah seiring dengan kerjasama yang telah dijalankan dengan pelbagai industri untuk melahirkan tenaga kerja yang memenuhi keperluan. Ini sekaligus mendedahkan pelajar dengan persekitaran industri tersebut. Walau bagaimanapun, kolej komuniti perlu fokus kepada latihan upskilling dan reskiling untuk membentuk tenaga kerja yang mahir serta mempergiatkan program yang dipacu industri bagi meningkatkan kualiti graduan.

### ii. Analisis Peranan Kolej Komuniti Dari Aspek Pencapaian Pelajar Dan Pensyarah

Aspek	Sisihan Piawai	Min	Tafsiran
Pencapaian pelajar dan pensyarah	0.78	4.12	Tahap tinggi

Secara keseluruhan, skor min purata 4.12 bagi aspek pencapaian pelajar dan pensyarah bermaksud responden bersetuju pada tahap tinggi bahawa kolej komuniti memainkan peranan dalam aspek pencapaian pelajar dan pensyarah. Kolej komuniti sentiasa mempergiatkan ketampakan pelajar dan pensyarahnya dalam pelbagai pertandingan kemahiran di pelbagai peringkat; nasional, ASEAN mahupun antarabangsa. Namun begitu, usaha juga perlu dibuat agar program pengajian adalah seiring dengan kejayaan yang diperoleh serta setanding dengan pusat TVET yang lain.

iii. Analisis peranan kolej komuniti dari aspek keusahawanan

Aspek	Sisihan Piawai	Min	Tafsiran
Keusahawanan	0.82	3.96	Tahap tinggi

Responden bersetuju pada tahap tinggi berdasarkan skor min purata 3.96 bahawa secara keseluruhan, kolej komuniti memainkan peranan dalam aspek keusahawanan. Persepsi ini adalah berdasarkan usaha yang dilaksanakan di kolej komuniti untuk memberikan pengetahuan keusahawanan kepada para pelajar melalui pelbagai program seperti Bijak Usahawan (EE@CC), Inkubator Keusahawanan (CCIC) dan e-Business Entrepreneur. Program-program ini menerapkan keyakinan kepada pelajar untuk menceburkan diri dalam perniagaan di samping mengikuti program kemahiran dan latihan di kolej komuniti. Walau bagaimanapun, kolej komuniti perlu menyerlah sebagai pusat latihan kepada usahawan baharu yang mampu meningkatkan taraf hidup keluarga dan komuniti.

iv. Analisis peranan kolej komuniti dari aspek kumpulan sasar dan komuniti setempat

Aspek	Sisihan Piawai	Min	Tafsiran
Kumpulan sasar dan komuniti setempat	0.78	4.12	Tahap tinggi

Skor min purata iaitu 4.12 bermaksud responden bersetuju pada tahap tinggi bahawa kolej komuniti memainkan peranan dalam aspek kumpulan sasar dan komuniti setempat. Kolej komuniti menyerlahkan fungsinya dengan menyediakan kursus pendek yang menepati keperluan serta menyediakan pendidikan dan latihan yang fleksibel kepada komuniti setempat. Persepsi ini menjadikan kolej komuniti sebagai platform perpaduan yang menyatukan komuniti di samping membantu meningkatkan peluang pekerjaan. Walaupun begitu, program sepenuh masa masih perlu diserahkan mengikut keperluan pasaran kerja terkini agar seiring dengan kejayaan kolej komuniti sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat.

v. Analisis peranan kolej komuniti dari aspek kecemerlangan kapasiti bakat

Aspek	Sisihan Piawai	Min	Tafsiran
Kecemerlangan kapasiti bakat	0.89	3.90	Tahap tinggi

Responden bersetuju pada tahap tinggi berdasarkan skor min purata 3.90 bahawa secara keseluruhan, kolej komuniti memainkan peranan yang menonjol dalam aspek kecemerlangan kapasiti bakat. Hal ini boleh dilihat berdasarkan kejayaan pensyarah yang mendapat ruang dan peluang menyertai pertandingan kemahiran. Walau bagaimanapun, untuk memperoleh kejayaan dalam pertandingan tersebut kolej komuniti perlu sentiasa mendedahkan pensyarah kepada perkembangan teknologi dan kemahiran terkini. Penghargaan juga perlu diberikan kepada pensyarah yang cemerlang dalam pertandingan yang disertai.

vi. Analisis peranan kolej komuniti dari aspek penyampaian pengajaran dan pembelajaran (PdP)

Aspek	Sisihan Piawai	Min	Tafsiran
Penyampaian pengajaran dan pembelajaran	0.86	3.91	Tahap tinggi

Responden bersetuju pada tahap tinggi berdasarkan skor min purata 3.91 bahawa secara keseluruhan, kolej komuniti memainkan peranan yang menonjol dalam aspek penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Melalui pensyarah menggunakan inovasi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kolej komuniti dikenali sebagai institusi yang menyediakan latihan dan kemahiran yang tentunya menuntut kreativiti pensyarah. Pandangan ini dipersetujui apabila dapatkan dalam aspek ini menunjukkan bahawa pensyarah menggunakan inovasi dalam aktiviti PdP di tahap yang tinggi. Walaupun begitu, seiring dengan perkembangan semasa kolej komuniti perlu melaksanakan pendidikan yang berkonsepkan e-Learning seperti MOOCs agar selaras dengan aspirasi kerajaan dalam menerapkan pendidikan yang global.

## 7.0 Cadangan Dan Hala Tuju

Analisa persepsi responden terhadap peranan kolej komuniti amatlah baik, namun tindakan secara berterusan haruslah dilakukan bagi memastikan warga sentiasa bersemangat dalam melaksanakan tanggungjawab. Sekaligus meningkatkan keberkesanannya terhadap peranan kolej komuniti. Aspek kolaborasi dan rakan industri pula kolej komuniti dilihat perlu meningkatkan lagi fokus kepada latihan upskilling dan reskilling untuk membentuk tenaga kerja yang mahir serta mempergiatkan program yang dipacu industri bagi meningkatkan kualiti graduan. Aspek pencapaian pelajar dan pensyarah adalah penting, menjadi intipati gerak nadi kolej komuniti. Program ketampakanan pelajar

dan pensyarah dalam pelbagai pertandingan kemahiran di pelbagai peringkat haruslah dipergiatkan, bagi memastikan program pengajian adalah seiring dengan kejayaan yang diperoleh serta standing dengan pusat TVET yang lain.

Kolej komuniti perlu lebih menyerlah sebagai pusat latihan kepada usahawan baharu yang mampu meningkatkan taraf hidup keluarga dan komuniti dilihat perkara yang perlu dilakukakan bagi meningkatkan peranan kolej komuniti dari aspek keusahawanan. Peningkatan berterusan kursus pendek yang menepati keperluan kumpulan sasar serta menyediakan pendidikan dan latihan yang fleksibel kepada komuniti setempat adalah platform perpaduan yang menyatukan komuniti di samping membantu meningkatkan peluang pekerjaan. Kejayaan kolej komuniti sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat meningkatkan peranan kolej komuniti dari aspek kumpulan sasar dan komuniti setempat.

Pendedahkan pensyarah kepada perkembangan teknologi dan kemahiran terkini haruslah dilakukan sepanjang masa dalam mengekalkan serta meningkatkan peranan kolej komuniti dari aspek kecemerlangan kapasiti bakat. Peluang dan ruang serta dorognan kepada pensyarah haruslah ditingkatkan dalam penyertaan pertandingan-pertandingan kemahiran. Peningkatan berterusan dalam aspek penyampaian pengajaran dan pembelajaran adalah penting dalam memastikan kolej komuniti sentiasa relevan. Seiring dengan perkembangan semasa pendidikan yang berkonsepkan e-Learning seperti MOOCs agar selaras dengan aspirasi kerajaan dalam menerapkan pendidikan yang global.

Kajian persepsi warga kolej komuniti terhadap peranan dan fungsi kolej komuniti harus dilakukan dari masa ke masa untuk melihatkan kedudukan kolej komuniti dalam memastikan misi kolej komuniti iaitu membangun komuniti setempat sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih untuk memenuhi tuntutan dunia pekerjaan melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, dapat dilaksanakan dengan lancar.

## **8.0 Penutup**

Kajian persepsi warga kolej komuniti terhadap peranan dan fungsi kolej komuniti secara tidak langsung telah membuktikan bahawa kolej komuniti telah berjaya memainkan peranan dan fungsinya ketika ini. Mengimbangi keperluan landskap TVET bukan sahaja di peringkat Kementerian, malah di peringkat kebangsaan. Namun kolej komuniti tidak boleh alpa akan kejayaan ini, cabaran masa hadapan iaitu Revolusi Industri 4.0 harus tempuh dengan bijak, pelan strategik haruslah dirancang agar selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi). Enam konstruk peranan kolej komuniti yang digariskan dalam kajian ini dikenalpasti sebagai faktor yang mendukung Teras, Program dan Lonjakan yang terkandung didalam dokumen strategik tersebut.

Visi kolej komuniti menjadi peneraju Pendidikan dan Latihan Vokasional serta Hab Pembelajaran Sepanjang Hayat Menjelang 2025, bakal menjadi

penggerak utama negara dalam menempuh Revolusi Industri 4.0 dalam aspek TVET.

### Rujukan

Abd Rahman Daud, Aminah Ayob, Abu Bakar Nordin, Md. Noor Salleh, Abd Latif Gapor, Yusup Hashim, Bhasah Abu Bakar (2009). Kajian Penilaian Terhadap Peranan Sekolah Bestari Perintis. 22-23.

Davies, R.B. 1971. Hypothesis Testing When A Nuisance Parameter Is Present Only Under the Alternative. *Biometrika*. 247-256.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2014). *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Esa, D. A., Razzaq, A. R. A., Masek, A. dan Selamat, D. A. (2009). The Perception of Students towards the Community Colleges' Courses offered In Malaysia. *Asian Social Science*, 5(7), 98-107.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 Tahun 2007 bertarikh 11 Disember 2007. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Sarimah Che Hassan, Armanurah Mahamad, Amir Md Noor (2013). Potensi Kolej Komuniti Sebagai Wadah Pembentukan 'Majikan' Lestari. *Prosiding PERKEM VIII*. 880-887.

Waran Perjawatan (WP) Bil S138 Tahun 2016 bertarikh 26 Mei 2016. Jabatan pendidikan Kolej Komuniti. Kementerian Pendidikan Tinggi.